



SARAWAK DAYAK NATIONAL UNION (SDNU)

Bn 208, 1st Floor,
Lot 2599, Block 217 KNLD
Batu Kawah New Township
93250 Kuching
Tel/Fax: 082-570433

President

Mr. Mengga Mikui

Setiausaha

Jawatankuasa Pilihan Khas Berhubung Dengan Penambahbaikan Proses Pilihanraya
Parlimen Malaysia
Banguna Parlimen,
Jln Parlimen
50680 Kuala Lumpur

Deputy President

Dr. John Brian Anthony

Vice-President I

Mr. Anthony Banyan

YBhg. Tan Sri/Datuk/Tuan/Puan,

Vice-President II

(SIDS Chairman)

YB Senator Dato Sri

Empiang Jabu

Persempadanan Semula Kawasan Pilihanraya dan Alamat Pendaftaran

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

Secretary-General

Mr. Joshua Jabeng

2. Sehubungan dengan itu, saya bagi pihak Kesatuan Kebangsaan Dayak Sarawak (SDNU) ingin mengemukakan pandangan bagi pihak masyarakat Dayak dari luar bandar mengenai perkara tersebut.

Asst. Secretary-General

Mr. Thony Badak

3. SDNU berpandangan bahawa, persempadanan semula kawasan pilihanraya seharusnya berdasarkan kepada keluasan bagi menggalakkan/berasaskan berberapa perkara berikut:-

Treasurer General

Mdm. Celia Ngitar Mai

i. Persempadanan berdasarkan Geografi/Daerah Pentadbiran.

Dengan demikian segala pembangunan yang seimbang di bandar dan luar bandar akan dapat dirancang dengan sebaik-baiknya. Di samping itu kependudukan dan pembukaan kawasan baru pembangunan luar bandar akan berterusan dan akan memulakan pertumbuhan penempatan yang baru serta dapat mengelakkan masyarakat berhijrah secara berterusan ke pusat bandar.

Asst. Treasurer General

Mr. Augustine Merikan

Publicity Officer

Dr. Dusit Jaul

ii. Peningkatan Aktiviti Ekonomi.

Menggalakkan aktiviti ekonomi oleh kerajaan atau swasta, dilaksanakan di kawasan luar bandar, agar memberikan peluang pekerjaan dan penglibatan secara langsung di samping mengurangkan penggantungan hidup secara berterusan masyarakat luar bandar kepada kerajaan semata-mata.

Committee Members

Mr. Chambai Lindong

Mr. Jame Stephen

Mr. Steven Rom

Mr. Edward Awan

Major Moses Ripai

Mr. Stephen Kereba

Albert Dass

Mdm. Jita @ Gita Sidok

iii. Peningkatan Kemudahan Infrastruktur/Jaringan Jalanraya.

Aktiviti ekonomi dan pertanian secara komersial sudah pastinya akan terus meningkat dengan peningkatan kemudahan infrastruktur di luar bandar, di samping itu, secara langsung membantu penduduk-penduduk luar bandar meningkatkan taraf hidup. Dengan demikian impian kerajaan dalam mentransformasi masyarakat miskin kepada masyarakat berdirikari malah masyarakat ekonomi yang lebih kukuh akan menjadi realiti.

Executive Secretary

Mr. Spencer A. Birai

iv. Pertumbuhan Pusat Pendidikan dan Kemahiran.


Persempadanan kawasan pilihanraya mengikut kawasan juga dapat membantu dalam pembangunan yang seimbang bagi menyediakan Pusat Pendidikan dan Kemahiran yang baru. Oleh yang demikian ia akan menyumbangkan kepada peningkatan kualiti hidup dan daya saing masyarakat setempat terutamanya masyarakat luar bandar dalam jangkamasa

panjang. Ini adalah suatu pelaburan dan pengorbanan yang amat besar bagi kerajaan untuk masyarakat luar bandar yang sangat dahagakan pembangunan. Masyarakat luar bandar tidaklah mengharapkan pembangunan seperti yang dinikmati kita di bandar yang berbilion ringgit peruntukan pembangunan tahunan tetapi sekadar mengharapkan pembangunan yang seimbang.

4. Alamat Daftar Pemilih.

SDNU berpandangan bahawa tidak wajar seseorang pemilih baru itu wajib didaftar di kawasan mengikut alamat dalam Kad Pengenalan kecuali si pemilih itu memilih untuk berbuat demikian.

Sekian, terima kasih.



.....
(ANTHONY BANYAN)
Vice President 1 SDNU

6hb. Disember 2011